


KESIMPULAN DAN CADANGAN



BAB LIMA

Sebagai seorang pelajar, minat dan motivasi bera, minat dan motivasi perlu diberikan agar pelajar dapat mengajar terutama pengajaran terdiri Komunitas menulis seorang pelajar boleh diperlukan melalui teknik pengajaran yang baik dan benar. Untuk itu, pelajar perlu mempelajari bahasa komunikasi bahasa Inggris agar kemahiran menulis membenarkan serta mengang norma logik alih dan minat pelajar membentuk sikap yang norma logik alih dan minat pelajar.

Untuk mendidik dan mengajar di jenjang dijelaskan oleh Prof. Dr. H. M. Tahirah yang terdapat di dalam buku ini. Dalam penjelasan Prof. Dr. H. M. Tahirah yang terdapat di dalam buku ini, dia menyatakan bahwa:

Komunikasi Tingkatan Satu belum dapat dikembangkan pada tahap pembelajaran yang sepatuhinya. Iai kerana dia belum diajarkan teknik kreatif mempersoalkan bentuk latihan yang sama-sama. Kita juga memberi penekanan kepada jenis latihan tertentu seperti mengisi tempat kosong, menyesuaikan perkataan dengan gambar dan melengkapkan ayat.

Sebagaimana yang telah diketahui, pelajar tingkatan satu barn rabsia terdedah kepada penggunaan bahasa Arab yang merupakan bahasa

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENDAHULUAN

Sebagai menyahut seruan pendidikan alaf baru, minat dan motivasi pelajar perlu dirangsang melalui pendekatan pengajaran terkini. Kemahiran menulis seseorang pelajar boleh dipupuk melalui teknik pengajaran yang pelbagai, lebih-lebih lagi dalam mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Arab. Corak aneka latihan dalam kemahiran menulis boleh membentuk secara langsung norma tingkah laku dan minat pelajar.

Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh penulis, mendapati bentuk soalan latihan yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu belum dapat menepati kehendak pembelajaran yang sepatutnya. Ini kerana di dalam buku teks ini hanya mempersempit bentuk latihan yang agak terhad, iaitu hanya memberi penekanan kepada jenis latihan tertentu seperti mengisi tempat kosong, menyesuaikan perkataan dengan gambar dan melengkapkan ayat.

Sebagaimana yang telah diketahui, pelajar tingkatan satu baru sahaja terdedah kepada penggunaan bahasa Arab yang merupakan bahasa

yang baru dan asing bagi mereka. Oleh itu semua pihak yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran mesti berperanan untuk menarik minat dan merangsang motivasi pelajar khususnya guru dan bahan pengajaran yang digunakan. Namun didapati buku teks kurang berperanan dalam mencetus percambahan idea dan motivasi pelajar.

Penulis telah menjalankan ujian kemahiran menulis kepada pelajar-pelajar tingkatan satu di dua buah sekolah di negeri Selangor dengan menggunakan pendekatan soalan yang berbentuk permainan bahasa, dan didapati pelajar sangat berminat dan maklum balas yang diperolehi daripada mereka menunjukkan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab.

Selain itu bentuk latihan yang paling penting dalam membentuk kemahiran menulis pelajar iaitu al imla' di mana latihan ini juga tidak dibentuk secara langsung di dalam buku teks. Ini menyebabkan pelajar kehilangan satu kemahiran yang amat bernilai.

5.1 KESIMPULAN

Dapatan daripada kajian yang telah dibuat, penulis telah membuat kesimpulan kepada tiga bahagian iaitu melalui soal selidik guru-guru bahasa Arab tingkatan satu, ujian kemahiran menulis kepada pelajar-

pelajar tingkatan satu dan analisa bilangan kemahiran menulis di dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu.

Pertama: Hasil daripada soal selidik terhadap guru-guru tersebut, penulis mendapati bahawa faktor kenapa pelajar tidak dapat menguasai kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik ialah:

Daripada empat buah sekolah yang telah dijalankan soal selidik, didapati sebanyak 30% sahaja di kalangan guru tersebut yang mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab, manakala 70% lagi bukan daripada pengkhususan bahasa Arab. Bagi mereka yang mempunyai pengkhususan bahasa Arab, mereka lebih berminat dan berkeyakinan terhadap pengajaran bahasa Arab. Penulis juga mendapati sebanyak 10% guru yang agak minat dan 10% lagi yang kurang minat mengajar bahasa Arab ini disebabkan mereka tidak mempunyai pengkhususan bahasa Arab dan mereka juga berkelulusan dalam negeri sahaja. Dari sini jelaslah kepada kita bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam membentuk situasi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dan memberangsangkan. Tanpa minat yang mendalam daripada guru dalam bidang tersebut menyebabkan pelajar tidak akan mampu menguasai bahasa Arab.

Di dalam kaedah pengajaran bahasa Arab pula terutama latihan kemahiran menulis, penulis mendapati, terdapat beberapa aktiviti kemahiran menulis bahasa Arab yang tidak pernah dijalankan oleh guru-

guru iaitu seperti latihan pra penulisan sebanyak 40%, latihan khat 20%, permainan bahasa seperti teka silang kata sebanyak 40% dan mencari perkataan tersembunyi 40% juga. Sebanyak 70% guru yang hanya kadang-kadang menjalankan aktiviti al imla' dan 60% lagi dalam latihan khat.

Sebagai kesimpulannya, penulis mendapati guru-guru kurang menitikberatkan tentang latihan berbentuk permainan bahasa dan latihan al imla' dan khat. Setiap guru haruslah kreatif dalam mencipta dan mencari pelbagai bentuk dan strategi pengajaran yang menarik, supaya proses pembelajaran berlaku secara berkesan dan mereka juga haruslah mampu mengekalkan minat dan motivasi pelajar untuk sentiasa berkeinginan untuk belajar.

Kedua: Hasil daripada ujian kemahiran menulis yang telah dijalankan terhadap pelajar tingkatan satu, penulis mendapati bahawa latihan yang telah dibina oleh penulis sendiri iaitu berbentuk permainan bahasa seperti teka silang kata, perkataan berlawanan dan seerti, mencari perkataan tersembunyi melalui teka silang kata dan teka kata berdasarkan gambar dan huruf, kesemua latihan ini mencabar tetapi amat diminati oleh pelajar dan mereka menunjukkan minat yang mendalam untuk menjawab soalan ini. Maklum balas daripada pelajar, menunjukkan 100 peratus mereka suka dan minat kepada latihan berbentuk permainan ini. Ini kerana permainan bahasa merupakan satu pendekatan yang positif dan ia bersifat komunikatif serta menyeronokkan. Pelajar-pelajar dapat mempelajari

bahasa secara tidak langsung melalui permainan ini dan dalam suasana bermain, mereka sebenarnya belajar.

Manakala latihan yang dipetik daripada buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu pula, penulis mendapati pelajar-pelajar dapat menjawab soalan ini dengan mudah dan maklum balas yang diperolehi daripada mereka ialah bentuk latihan yang dipersembahkan itu kurang menarik dan mencabar minda. Dengan ini boleh menyebabkan pembelajaran bahasa membosankan mereka.

Penulis juga telah mengadakan latihan al imla' kepada pelajar-pelajar, di mana dua bentuk latihan al imla' telah dijalankan iaitu al imla' al manqūl dan al imla' al ikhtibāri. Hasil daripada kedua-dua latihan yang telah dijalankan, didapati pada keseluruhannya pelajar dapat menulis dengan baik iaitu menyalin semula perkataan yang terdapat di dalam al imla' al manqūl. Pelajar didapati kurang melakukan kesalahan ejaan di dalam latihan ini.

Manakala di dalam latihan al imla' al ikhtibāri pula, terdapat banyak kesalahan ejaan yang telah dilakukan oleh pelajar-pelajar. Ini menunjukkan pelajar lemah dalam kemahiran mendengar dan menulis bahasa Arab. Di antara sebab kenapa pelajar tidak mampu menguasai kemahiran menulis khususnya dalam ejaan bahasa Arab ialah kerana latihan ini tidak dibentuk secara langsung di dalam buku teks dan guru juga kurang berperanan membuat latihan ini kepada para pelajar. Dengan

ini, guru tidak seharusnya memandang ringan terhadap bentuk latihan alimla' dan ianya perlulah dijalankan dengan lebih kerap terhadap pelajar agar mereka mampu menguasai kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik.

Ketiga: Penulis telah menganalisa bilangan latihan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks "Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu". Hasil daripada analisa yang dibuat, penulis mendapati pada keseluruhannya, bilangan latihan kemahiran menulis banyak terdapat di dalam buku teks ini, tetapi cara persesembahannya kurang menarik minat pelajar. Arahan soalan sangat ringkas seperti:

(lengkapkan dan tulis)	1. أكمل وَاكتب
(suaikan)	2. وَفق
(jawab)	3. أجب
(baca dan tulis)	4. اقرأ وَاكتب
(baca dan susun)	5. اقرأ وَرَتّب
(suai dan tulis)	6. وَفق وَاكتب

dan ianya kurang jelas bagi pelajar serta memerlukan kepada bimbingan guru untuk memahami kehendak arahan soalan tersebut.

Bentuk-bentuk latihan kemahiran menulis bahasa Arab di dalam buku teks juga kurang memberangsangkan minat pelajar di mana ia berbentuk streotaip iaitu sama dari awal hingga akhir pelajaran.

Latihannya juga tidak dipelbagaikan. Oleh itu guru haruslah meningkatkan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Arab melalui bentuk persembahan latihan yang lebih menarik dan lebih kreatif.

5.2 CADANGAN

Walaupun bahasa Arab telah diajar di Malaysia dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti, namun masih lagi terdapat beberapa kelemahan sama ada dari segi tenaga pengajar, buku teks, bahan bacaan tambahan dan sebagainya.

Untuk mempertingkatkan penguasaan pelajar di dalam kemahiran menulis bahasa Arab, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan yang baik dan membina untuk diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak. Di antara cadangan-cadangan tersebut ialah:

1. Guru

- i. harus sentiasa meningkatkan kemahiran kendiri, berfikir, merancang, membuat dan menilai semua perkara yang berhubung dengan proses pengajaran untuk memajukan pelajar khususnya di dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

- ii. sentiasa mencari idea-idea yang kreatif di mana seseorang guru itu perlu membina atau membuat pelbagai latihan yang lebih berpusatkan pelajar agar lebih menyeronokkan mereka untuk mempelajarinya seperti latihan kemahiran menulis dalam bentuk permainan bahasa yang mana tidak hanya bergantung 100 peratus kepada latihan yang terdapat di dalam buku teks.
- iii. guru mestilah mempunyai komitmen yang tinggi dan terus berusaha untuk memperbaiki kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran.
- iv. hendaklah melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran terutama dalam kemahiran menulis dan membekalkan pelajar dengan pelbagai latihan yang mencukupi agar mereka dapat menguasainya dengan baik.
- v. sentiasa sabar dengan kelemahan dan kesilapan pelajar dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab dan juga berusaha ke arah kecemerlangan mereka.
- vi. memberi galakan dan perangsang kepada pelajar agar tidak mudah putus asa dalam menguasai bahasa Arab dan mempelbagaikan aktiviti agar mereka lebih minat dan maju dalam bahasa ini.

- vii. bertutur dalam bahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran khususnya ketika menerangkan isi pelajaran dan membiasakan pelajar dengan arahan-arahan soalan kemahiran menulis.
- viii. hendaklah mengajar asas penulisan Arab dan kaedah-kaedah tulisan Arab yang betul seperti memperkenalkan huruf-huruf yang tidak boleh disambung dan boleh disambung serta kedudukannya sama ada di depan, di tengah dan di akhir. Ini merupakan asas bagi penulisan bahasa Arab.
- ix. sentiasa membuat latihan al imla' dan khat kepada pelajar-pelajar kerana terdapat ramai pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik.
- x. hendaklah memberi contoh ejaan yang tepat dan betul ketika menulis di papan hitam atau menyemak latihan pelajar supaya menjadi panduan kepada mereka.

Salah satu cara yang boleh menarik minat pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab ialah guru-guru haruslah mempelbagaikan bentuk latihannya seperti permainan bahasa, di mana guru haruslah merancang dan mengolah sesuatu bahan permainan sesuai dengan kemahiran yang akan diajar. Guru-guru juga boleh mengkaji, merujuk permainan bahasa

dalam kemahiran menulis dari buku-buku bahasa yang lain untuk dijadikan panduan dan diubahsuaikan ke dalam bahasa Arab. Di antara bentuk permainan bahasa yang sesuai untuk kemahiran menulis bahasa Arab yang boleh dijalankan ialah:

- i. teka silang kata bagi perkataan seerti dan berlawanan.
Latihan ini boleh membantu pelajar untuk menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab dan seterusnya kemahiran menulis bahasa Arab. (lihat lampiran 1.4)
- ii. teka kata berdasarkan gambar. Melalui latihan ini, melatih pelajar agar dapat membina perkataan berdasarkan gambar dan huruf. (lihat lampiran 1.3 bahagian B)
- iii. karangan bergambar. Latihan ini melatih pelajar membentuk ayat-ayat berdasarkan gambar agar menjadi cerita pendek sesuai dengan tahap pelajar tingkatan satu. (lihat lampiran 1.7)
- iv. mencari perkataan tersembunyi. Latihan ini boleh melatih pelajar membina perkataan dengan mencantumkan huruf-huruf dan menulis semula dengan kaedah penulisan Arab yang betul. (lihat lampiran 1.1)
- v. domino suku kata. Melalui latihan ini, pelajar dapat membina perkataan daripada kad-kad suku kata yang dibina. (lihat lampiran 1.8)

- vi. menyusun perkataan. Melalui latihan ini, pelajar dapat menyusun perkataan-perkataan yang diberi dengan menulisnya di papan hitam, menjadi sejumlah ayat yang lengkap atau cerita pendek. Di akhir pelajaran, pelajar menyalin semula ke dalam buku latihan mereka.

2. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dan Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

JAPIM merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam menyediakan tenaga pengajar pendidikan Islam dan bahasa Arab, menggubal sukanan pelajaran dan huraian sukanan pelajaran. Selain daripada itu ia memberi kursus-kursus profesionalisme kepada guru-guru. Manakala Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia pula ialah bahagian yang bertanggungjawab untuk memastikan buku teks yang diperakukan untuk kegunaan di sekolah adalah berkualiti dengan harga yang berpatutan. Oleh itu penulis mencadangkan agar mereka;

2.1) JAPIM

- i. merancang penempatan guru-guru pendidikan Islam dan bahasa Arab sesuai dengan opsyen dan kemahiran mereka. Keutamaan mengajar mata pelajaran bahasa Arab hendaklah diberikan kepada guru-guru yang benar-benar berkemahiran dalam bahasa tersebut.

- ii. memberi pendedahan kepada guru-guru melalui kursus-kursus seperti;
 - pembinaan bahan bantu mengajar (BBM).
 - membina soalan-soalan dan latihan-latihan kemahiran menulis yang lebih menarik minat pelajar untuk menguasainya.
 - kaedah pengajaran kemahiran menulis yang lebih berkesan.
- iii. mendapatkan maklum balas daripada guru tentang kelemahan-kelemahan yang sentiasa dihadapi oleh pelajar dalam menguasai kemahiran-kemahiran bahasa.
- iv. sentiasa memantau guru-guru dan melihat keberkesanan pengajaran mereka terutama dalam memupuk nilai pembelajaran yang baik ke arah kecemerlangan bahasa Arab khususnya.
- v. memastikan guru-guru yang mengajar bahasa Arab bagi tingkatan satu hendaklah terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman di mana asasnya perlu dipupuk bermula tingkatan satu.

2.2) Bahagian Buku Teks.

- i. memberi pendedahan kemahiran menggunakan buku teks secara berkesan.
- ii. menerangkan maklumat tentang bahan pengajaran dan pembelajaran berkenaan sama ada dari segi kandungannya kepada pengguna iaitu guru-guru dari semasa ke semasa.
- iii. memantau bagi memastikan sejauh manakah keberkesanan penggunaan buku teks di kalangan guru-guru dan pelajar.
- iv. bekerjasama dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia dalam membina soalan-soalan penilaian agar ianya bertepatan dengan objektif dan isi kandungan di dalam buku teks.

3. Penulis Buku teks

Memang tidak dapat dinafikan bahawa mutu buku teks adalah bergantung kepada penulisnya. Buku teks yang bermutu tinggi hanya dapat dihasilkan oleh penulis yang mahir, cekap, komited dan berpengalaman luas. Penulis adalah orang yang bertanggungjawab dalam menyediakan isi kandungan sesebuah buku dengan berpandukan kepada sukanan pelajaran dan huraiian sukanan yang telah ditetapkan. Mereka haruslah pandai mengolah semula apa yang dikehendaki dan bertepatan dengan sukanan pelajaran dan huraiian sukanan pelajaran, seterusnya menentukan persembahan yang menarik dan terbaik untuk para pelajar.

Buku teks bahasa Arab juga merupakan sumber yang penting bagi pelajar kerana bahan pengajaran bahasa Arab adalah terhad dan tidak banyak di pasaran berbanding mata pelajaran lain. Dengan itu beberapa perkara perlu dititikberatkan dalam penyediaan ini. Di antara cadangan-cadangan tersebut ialah;

- i. sentiasa memikirkan dan menitikberatkan kesesuaian bahan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.
- ii. memastikan isi kandungan yang dipersembahkan bersesuaian dengan tahap pelajar.
- iii. mengemaskinikan buku teks dan latihan-latihan kemahiran bahasa yang lebih menarik agar berjaya mengekalkan minat pelajar dalam meneruskan pembelajaran bahasa Arab.
- iv. memperbanyakkan latihan khususnya kemahiran menulis di dalam buku teks dengan mempelbagaikan bentuk-bentuk latihannya dan tidak hanya terikat kepada bentuk streotaip seperti mengadakan latihan mengisi tempat kosong, suaikan dan lengkapkan ayat dan sebagainya.
- v. dalam setiap pelajaran juga, haruslah diselitkan latihan al imla' dan khat serta memasukkan cara-cara atau kaedah-kaedah penulisan Arab yang betul.

vi. memastikan arahan soalan yang diberikan dalam latihan jelas dan mudah difahami oleh pelajar, di mana arahannya jangan terlalu ringkas seperti:

أكْمِلْ وَاكْتُبْ ، وَفَقْنْ ، أَجِبْ ، إِفْرَا وَأَكْتُبْ ، وَفَقْنْ وَأَكْتُبْ.

Penulis mencadangkan agar arahan soalan itu jelas seperti :

أ. رَتِّبْ الْحُرُوفَ لِتَكُونَ كَلِمَةً كَمَا فِي الْمِثَالِ :

(susun huruf-huruf supaya menjadi satu perkataan seperti contoh)

ب. رَتِّبْ الْكَلِمَاتِ كَمَا فِي الْمِثَالِ .

(susun perkataan seperti contoh)

ج. صِلْ كَمَا فِي الْمِثَالِ ثُمَّ اكْتُبْ .

(sambungkan seperti contoh dan tulis)

د. صِلْ الْحُرُوفَ لِتَكُونَ كَلِمَاتٍ ثُمَّ وَفَقْهَا بِالصُّورِ .

(sambungkan huruf-huruf supaya menjadi perkataan, kemudian

suaikan dengan gambar)

هـ. إِمْلَا الفَرَاغَ كَمَا فِي الْمِثَالِ .

(isikan tempat kosong seperti contoh)

وـ. إِمْلَا الفَرَاغَ بِكَلِمَةٍ مُنَاسِيَةٍ .

(isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai)

زـ. أَكْمِلْ كَمَا فِي الْمِثَالِ .

(lengkapkan seperti contoh)

حـ. أَكْتُبْ كَمَا فِي الْمِثَالِ .

(tulis seperti contoh)

Akhir sekali penulis mengharapkan agar buku teks yang dihasilkan perlulah seiring dengan kehendak kurikulum agar dapat memenuhi kehendak guru dan pelajar. Di samping itu, ianya juga akan dapat digunakan selalu dalam proses pengajaran dan pembelajaran atau menjadi sumber rujukan guru dan pelajar-pelajar. Persembahan buku teks juga sepatutnya merangsang pemikiran dan penyertaan pelajar dan seterusnya menarik minat mereka untuk terus meneroka ilmu pengetahuan.

4. *Media Masa dan Elektronik*

Media masa dan elektronik juga boleh sama-sama bertanggung-jawab untuk meningkatkan lagi martabat bahasa Arab sebagai bahasa al Quran. Tanpanya, bahasa ini tidak akan dikenal dan diketahui ramai.

- i. memperbanyakkan siaran bahasa Arab di televisen.
- ii. memperkenalkan asas-asas penulisan Arab yang betul dan kaedah-kaedah penulisannya.
- iii. siaran belajar bahasa Arab perlu dimasukkan di dalam tv pendidikan.
- iv. memasukkan bahan bahasa Arab ke dalam majalah-majalah, surat khabar dan risalah-risalah ilmiah.

5. Penyelidik-Penyelidik Masa Depan.

Di sini penulis menyarankan bahawa kajian ini perlu diperluaskan lagi agar kemahiran menulis bahasa Arab ini dapat dikuasai oleh pelajar-pelajar baru.

Oleh itu, penulis mengemukakan beberapa cadangan yang baik dan membina agar ianya boleh menghasilkan natijah yang terbaik demi kecemerlangan semua pelajar. Cadangan-cadangan tersebut ialah;

- i. memperluaskan lagi kajian terhadap kemahiran menulis bagi buku teks bahasa Arab di tingkatan dua dan tiga.
- ii. mengenal pasti kadar bilangan soalan latihan kemahiran menulis bagi setiap tingkatan.
- iii. mengkaji tentang keempat-empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta melihat tahap penguasaan pelajar dalam keempat-empat kemahiran tersebut.

Akhirnya penulis mengharapkan agar penyelidikan yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, khususnya di dalam kemahiran menulis dapat ditingkatkan lagi ke arah penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar. Penulis juga mengharapkan agar kajian ini menjadi garis panduan kepada penyelidik-penyelidik masa depan.